

## KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 23/03/2020

Pelantikan Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar



### PELANTIKAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN ALAM SEKITAR

---

Sukacita saya ingin memaklumkan pelantikan YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang sebagai **Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar** berkuatkuasa pada **23 Mac 2020**. Pelantikan ini adalah selaras dengan pewujudan Kementerian Alam Sekitar sebagai kementerian baharu.

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, 55 tahun berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi Malaysia, Ijazah Sarjana Kejuruteraan Persekitaran, Universiti Newcastle Upon Tyne dan Doktor Falsafah daripada Universiti Newcastle, United Kingdom. Beliau memulakan kerjaya sebagai Pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia pada 6 Ogos 1988 sebelum memegang jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1 Oktober 2011.

Berpengalaman luas dalam bidang pendidikan, perancangan, penyelidikan dan alam sekitar khususnya teknologi air serta pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Semoga dengan pelantikan ini beliau dapat melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan kelestarian alam sekitar sentiasa terjaga demi kesejahteraan rakyat.

**DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI**  
23 Mac 2020  
28 Rejab 1441

**Hakcipta Terpelihara © 2018 Pejabat Ketua Setiausaha Negara**

Source: <https://www.ksn.gov.my/media/releases/13>